

NO SOALAN :41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.10.2017

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kontrak perolehan Kerajaan yang melantik pembekal melalui "tender terhad" mengikut kategori harga iaitu kurang RM10 juta , RM10 juta ke RM50 juta , lebih RM50 juta dan Kementerian, setiap tahun sejak 2009 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian dibenarkan untuk melaksanakan tender terhad yang nilainya kurang RM10 juta dengan mempelawa di kalangan 10 syarikat/kontraktor Bumiputera (bagi nilai yang kurang RM5 juta) atau tempatan

(bagi nilai RM5 juta hingga RM10 juta) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi tender bekalan/perkhidmatan dan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) bagi tender kerja. Bagi tender terhad yang nilainya melebihi RM10 juta, Kementerian perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan untuk melaksanakan tender tersebut dan perlu dimuktamadkan di Kementerian Kewangan.

Syarikat yang dipilih untuk menyertai tender terhad hendaklah terlebih dahulu melalui proses penilaian dari segi kemampuan kewangan dan teknikal, pengalaman, prestasi kerja dan lain-lain asas penilaian yang berkaitan.

Untuk makluman lanjut Ahli-Ahli Yang Berhormat, nama syarikat serta nilai kontrak yang diperolehi melalui perolehan Kerajaan boleh diakses melalui portal MyPROCUREMENT di laman sesawang <http://myprocurement.treasury.gov.my>.